

PM DEDAHKAN JURUTERA MAHU STATUS

UM - 7 AUG 1982

PETALING JAYA, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini mendedahkan terdapat beberapa jurutera yang hanya mementingkan status dan tidak mahu bekerja di kilang bersama pekerja bawahan yang lain.

Sebaliknya, jurutera-jurutera tersebut mahukan bilik khas dan enggan turun ke bahagian kilang.

Di segi pergaulan, mereka enggan bercampur gaul bersama

juruteknik dan pekerja lain yang tarafnya lebih rendah dari mereka.

"Saya dapat tahu terdapat beberapa jurutera yang dihantar ke luar negeri untuk berkursus, apabila balik sahaja ke tanahair dan diberi kerja di tempat yang sesuai dengan pengalaman, mereka mahukan bilik khas untuk mereka," jelas Perdana Menteri ketika berucap di depan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus intensif Bahasa Jepun di Institut Teknologi Mara, Jalan Othman, di sini.

Datuk Seri Dr.

Mahathir menegaskan, sekiranya amalan begini terus diamalkan, kejayaan tidak boleh tercapai.

Sebagai perbandingan, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, semasa melawat Jepun, beliau berpeluang melihat sebuah kilang besi yang mengeluarkan besi kira-kira 12 juta tan setahun.

Di sana, tidak ada pejabat yang indah, sebaliknya jurutera dan pekerja-pekerja bawahan tidak dapat dikenali. Mereka bekerjasama.

Tidak seperti

beberapa jurutera di negara ini yang mahukan bilik berhawa dingin dan dihias dengan langsir.

Beliau mengingatkan seramai 136 pelajar yang akan berlepas ke Jepun bulan depan, supaya balik membawa pengalaman dan teknologi.

Katanya, kalau pergi kerana mahukan gaji besar dan kemudahan diri, baik tak payah pergi. Beri peluang kepada orang lain.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, apa yang harus dipelajari ialah etika kerja dan kerajinan mereka beker-

ja di negara tersebut.

Katanya, sifat rajin bekerja, penting bagi membolehkan seseorang itu mahir dalam tugas yang diberikan.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pekerja yang malas dan mengira masa akan melambatkan segala usaha yang dijalankan.

Di Jabatan Pelajar-pelajar Malaysia di London, Perdana Menteri menegaskan, kerja mengubahsuaikan yang dijalankan oleh pekerja-pekerja barat yang tertakluk kepada Kesatuan, hanya dapat disiapkan dalam tempoh 2½ tahun.

Padahal, apabila kerja-kerja tersebut boleh disiapkan dalam masa tiga bulan sahaja.

Pengaruh

Perdana Menteri, ketika mengulangi dasar Pandang Ke Timur menjelaskan, tidak ada sahalnya meniru kemajuan orang lain, asalkan nilai-nilai tempatan dikekalkan.

Jepun juga meniru barat semasa Maharaja Meiji dahulu dan sekarang mereka lebih maju dari beberapa negeri barat itu sendiri. Mereka masih kekal dengan cara hidup dan kebudayaan mereka sendiri hingga ke hari ini.

Apa yang penting, dalam penyerapan teknologi-teknologi dari luar, nilai kebudayaan tempatan terus diamalkan.

"Semasa kita meniru barat dahulu, semua pengaruh dibawa masuk. Tak salah meniru barat sekiranya ia mendatangkan kebaikan tetapi sekiranya semua yang tidak elok dan bertentangan dengan tatasusila negara ini dibawa masuk, itu adalah salah," ujar Perdana Menteri lagi.

Beliau berkata, dasar Memandang Ke Timur bukanlah bererti